

Inisiatif tingkat pelbagai peluang ekonomi digital

Pelan tindakan miliki tiga objektif, enam teras dan 22 strategi

Kuala Lumpur: MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia akan membantu mengoptimumkan peluang digital yang wujud merentas masyarakat, perniagaan dan kerajaan.

Pelan tindakan itu yang diumumkan kerajaan memiliki tiga objektif, enam teras dan 22 strategi membabitkan 48 inisiatif nasional dan 28 inisiatif peringkat sektor.

Ia berpandukan tiga prinsip panduan iaitu inklusiviti dengan memastikan tiada sesiapa yang tertinggal kesan daripada pen-digitalan etika iaitu memastikan data dan peralatan digital digunakan secara beretika dan kepercayaan, di mana untuk memastikan pertumbuhan ekonomi digital tanpa mengabaikan ke-rahsiaan serta keselamatan si-ber.

Selain itu, ia turut memiliki tiga objektif dasar iaitu pertama, menggalakkan pemain industri menjadi pencipta, pengguna dan yang menerima guna model perniagaan inovatif di bawah ekonomi digital.

Kedua, ia dijangka memanfaatkan modal insan yang boleh berjaya dalam ekonomi digital dan ketiga pula adalah mewujudkan ekosistem yang bersepa-du bagi membolehkan masya-rakat menguasai ekonomi digital.

Rangka tindakan itu juga menggariskan enam teras untuk menyokong objektif dan visi iaitu memacu transformasi digital



sektor awam, meningkatkan da-ya saing ekonomi melalui pen-digitalan, membina infrastruktur digital yang menyokong, membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten, me-wujudkan masyarakat digital inklusif serta membina perseki-taran digital yang dipercayai, se-lamat dan beretika.

Peranan sektor awam (kerajaan), sektor swasta (perniagaan) dan pertubuhan masyarakat sivil (masyarakat) saling melengkap dalam mencapai visi dan objektif yang digariskan dalam rangka tindakan itu.

Kerajaan memainkan peranan penting sebagai pemboleh daya dalam mentransformasi negara dengan menetapkan hala tuju, memudah cara inisiatif serta menggalakkan perniagaan dan masyarakat untuk menguasai teknologi digital.

Sektor swasta pula digalakkan memanfaatkan platform, ekosistem dan pasaran digital dalam

aktiviti serta bekerjasama de-nan sektor awam dan pertu-buhan masyarakat sivil (CSO) dalam model perkongsian baha-ru.

Adalah penting bagi sektor swasta untuk meneraju pende-katan yang bertanggungjawab dan mampan dalam menye-diakan produk dan perkhidma-tan serta mencipta bersama pe-neyelesaian inovatif untuk mewujudkan impak sosial dan alam sekitar yang positif.

Selain itu, MyDIGITAL juga disasar membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika membabitkan bu-kan sahaja perkakasan tetapi ju-ga rakyat dan institusi.

Menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan kerajaan, ia mem-bolehkan perniagaan dan masya-rakat memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan digital tanpa mengabaikan aspek keselama-tan, perlindungan data, kerah-

siaan, daya harap dan standard etika.

Persekutuan digital memerlu-kan pembangunan ekosistem yang menyeluruh seperti rangka kerja kawal selia dan keupayaan keselamatan siber untuk mena-gani ancaman atau ketidakpa-tuhan yang boleh menjadikan ekonomi digital daripada ber-fungsi sepenuhnya.

Selaras dengan perkembangan penguasaan ekonomi digital di Malaysia, ancaman keselamatan siber semakin meningkat dengan bertambahnya penjanaan, pertu-karan dan penggunaan data oleh pengguna.

Dengan kelebihan dalam rang-ka kerja institusi yang dimiliki, Malaysia sudah mengambil lang-kah proaktif untuk memperku-kuh ekosistem keselamatan si-ber.

Kejayaan langkah ini dibuk-tikan dalam pencapaian ITU Global Cybersecurity Index, iaitu Malaysia secara konsisten ber-ada dalam kalangan 10 negara teratas di dunia bagi komitmen keselamatan siber sejak tahun 2014.

Selain itu, Malaysia berada pada kedudukan kedua selepas Singapura di rantau Asia Pasifik pada tahun 2018.

Tahap kesedaran mengenai ke-pentingan keselamatan di ruang siber masih menjadi cabaran dalam kalangan rakyat dan perniagaan terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), selain kepercayaan ra-yat terhadap integriti organisa-si yang memproses dan meng-gunakan data peribadi juga ma-sih rendah.

Penggunaan teknologi digital juga meningkatkan kebimbangan mengenai etika.

Selain itu, kekangan kewangan yang dihadapi oleh PMKS meng-halang penggunaan peralatan ke-selamatan siber secara meluas.